

# Sultan terima beca antik

Pernah berseloroh mahu memiliki beca tersebut ketika KMJ 2014



Sultan Ibrahim mencemar duli melawat gerai Daily Fresh pada program KMJ 2016 di Pekan Rengit, semalam.


**BATU PAHAT** - Hari terakhir Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2016 menyaksikan Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkenan menerima sebuah beca antik ketika singgah di Pekan Rengit, di sini.

Ibrahim A Aziz, 52, mempersembahkan beca antik berwarna hijau berbungkan corak bendera Johor berusia 60 tahun itu kepada Sultan Ibrahim sejurus Tuanku tiba kira-kira jam 9 pagi.

Ibrahim yang juga pengumpul barang antik berkata, dia berbuat demikian kerana Sultan Ibrahim pernah berseloroh untuk memiliki beca berkenaan ketika KMJ 2014.

"Ketika itu, baginda Tuanku berkenan mengayuh beca ini sewaktu melakukan persinggahan di Stadium Mini Batu Pahat pada 2014."

"Baginda pernah bertanya kepada saya untuk memiliki beca antik ini dan hari ini (semalam) saya berpuas hati apabila dapat menunaikan hasrat Sultan Ibrahim," katanya, di



IBRAHIM

sini, semalam.

Ibrahim berkata, beca antik yang dibuat pada 1956 itu dibeliinya daripada seorang lelaki berketurunan Cina, sebelum membait pulih dengan kos RM1,500 khas untuk dipersembahkan kepada Sultan Johor.

Sultan Ibrahim berangkat tiba di hentian pertama hari keempat KMJ bersama Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman selepas berlepas dari Kem RAMD 10, di sini.

Hari terakhir KMJ 2016 menyaksikan Sultan Ibrahim berkenan memandu trak Mack lengkapkan kembara melibatkan laluan sejauh 148 kilometer.

Konvoi Diraja itu melakukan beberapa persinggahan termasuklah di Dataran Dato' Jalok, Benut; Kampung Baru Orang Asli Kuala Benut, Pontian; serta Rehat dan Rawat Pandan EDL, Johor Bahru



Sultan Ibrahim melambai tangan ke arah rakyat yang hadir memeriahkan KMJ 2016 di Pekan Rengit, semalam.



Sultan Ibrahim menerima sebuah beca antik pada program KMJ 2016 di Pekan Rengit, semalam.



Sultan Ibrahim tiba di Pekan Rengit, semalam.